

**SENARAI SEMAK PERMOHONAN KELULUSAN  
PELAN JALAN DAN PERPARITAN**

Bil	Perkara	Perunding	Semakan MPAG			Catatan
			Patuh	Tidak Patuh	Tidak berkaitan	
<b>A</b>	<b>Keperluan Am</b>					
1.	Surat permohonan rasmi daripada perunding					
2.	Borang A					
3.	Salinan Sijil Pendaftaran Jurutera terkini					
4.	<p>Pelan kerja tanah hendaklah dilipat kepada saiz A4, menyediakan ruang untuk pengesahan dibahagian atas penjuru kanan, diwarnakan serta mengandungi pelan lokasi, pelan kunci, pelan tapak, jalan susur, sungai/ alur/ tali air/ parit semulajadi, garisan kontur, cerun dan sebagainya serta dijilidkan dengan kemas</p> <p>Skala yang digunakan juga hendaklah bersesuaian.</p>					
5.	Bayaran fee pelan jalan dan parit					
6.	Borang PK-JKJ-01/R2 yang lengkap					
<b>B</b>	<b>Rekabentuk Cadangan Pembinaan Jalan</b>					
1.	Tunjukkan sikulasi jalan dengan jelas					
2.	<p>Jalan 20 kaki dan ke atas perlu diwarnakan dengan warna kuning.</p> <p>Jalan 15 kaki dan ke bawah termasuk gili-gili/ laluan penyelenggaraan dan sebagainya perlu diwarnakan dengan warna kelabu.</p> <p>Jalan yang tidak diserahkan ia perlu diwarnakan dengan warna kelabu/ hitam</p>					
3.	Tunjukkan rekabentuk struktur jalan dengan jelas dimana lapisan bagi setiap struktur jalan perlu mematuhi Arahan Teknik (Jalan) JKR yang sedang berkuatkuasa					
4.	Jalan/ laluan lorong belakang (jalan 15 kaki) ia perlu dikonkrit setebal 100mm dan dilengkapi dengan besi tetulang.					

Bil	Perkara	Perunding	Semakan MPAG			Catatan
			Patuh	Tidak Patuh	Tidak berkaitan	
	<p>Pastikan aras lorong belakang sama atau lebih rendah dari aras rumah yang terendah.</p> <p>Di hujung kedua-dua laluan perlu disediakan <i>bollard</i> bertetulang</p>					
5.	Rekabentuk persimpangan keluar masuk utama perlu ditunjukkan dengan jelas didalam pelan dan perlu mendapat kelulusan daripada pihak JKR					
6.	Rekabentuk lorong percepat dan perlambat perlu ditunjukkan dengan jelas dan perlu mendapat kelulusan daripada pihak JKR					
7.	Penyambungan jalan baru dengan jalan sediaada hendaklah mengikut aras dan aliran trafik sediaada dan ditunjukkan dengan jelas di dalam pelan					
8.	Rekabentuk jejari selekoh perlu mematuhi Arahan Teknik (Jalan) JKR					
9.	Kecerunan kember jalan hendaklah mematuhi Arahan Teknik (Jalan) JKR dan perincian ditunjukkan didalam pelan					
10.	<p><i>Ramp</i> laluan masuk ke kawasan rumah/ kawasan perindustrian maksimum hanya setinggi 300mm sahaja dibenarkan dibina diluar kawasan dan bakinya perlu dibina didalam kawasan rumah/ kawasan industri berkenaan.</p> <p>Aras rumah, aras tempat letak kenderaan dan aras jalan laluan keluar &amp; masuk perlu ditunjukkan dengan jelas</p> <p>Pastikan aras jalan yang dicadangkan sama atau lebih rendah dari aras rumahyang terendah</p>					
11.	<i>Road hump</i> perlu disediakan mengikut keperluan dan pembinaannya perlu mematuhi Arahan Teknik (Jalan) JKR. Kedudukan dan perinciannya perlu ditunjukkan dengan jelas didalam pelan					
12.	Bebendul Jalan ( <i>road kerb</i> ) daripada jenis cast insitu/ precast perlu ditunjukkan dengan jelas beserta dengan butirannya.					

Bil	Perkara	Perunding	Semakan MPAG			Catatan
			Patuh	Tidak Patuh	Tidak berkaitan	
13.	Bahu-bahu jalan perlu ditanam dengan rumput dan pastikan air larian permukaan dapat mengalir ke longkang berhampiran.					
14.	Hujung setiap laluan/ jalan mati perlu disediakan <i>chevron</i> / papan tanda yang bersesuaian					
15.	Garisan serta papan tanda berhenti perlu disediakan disetiap persimpangan					

**C Rekabentuk Cadangan Pembinaan parit**

1.	<p>Rekabentuk sistem perparitan perlu mematuhi <i>Urban Stormwater Management Manual For Malaysia</i> (MSMA 2nd Edition)</p> <p>Kiraan hidraulik bagi rekabentuk sistem perparitan ini perlu disertakan dan dibukukan bersekali dengan pelan yang dikemukakan.</p>					
2.	<p>Saiz minimum longkang/ parit yang dibenarkan adalah 450mm lebar dengan kedalaman minimum 450mm. Perincian bagi parit yang dicadangkan perlu ditunjukkan dengan jelas didalam pelan dan parit mestilah dari jenis u-drain atau konkrit cast in-situ beserta tetulang</p>					
3.	<p>Pembentung yang digunakan hendaklah dari jenis pembentung kekotak (<i>box culvert</i>) dengan saiz minimum adalah 600mm x 600mm. Kedudukannya didalam pelan perlu ditunjukkan dengan jelas beserta dengan perinciannya</p>					
4.	<p>Ketinggian tembok longkang yang dibina perlu menggunakan tembok konkrit bertetulang (<i>RC Wall</i>).</p>					
5.	<p>Parit sekeliling bangunan-bangunan perniagaan dan rumah pangsa / apartment perlu ditutup dengan '<i>concrete slab</i>' dan ketinggian arasnya perlu dinaikkan 6 inci (150mm) daripada aras jalan.</p> <p>Bukaan (<i>opening</i>) perlu disediakan setiap 10 kaki (3 meter) dengan setiap bukaan dilengkapi dengan '<i>G.I/ FRP grating</i>' yang berengsel (<i>hinge</i>)</p>					
6.	<p><i>Sump</i> yang dibina perlu menggunakan tembok konkrit bertetulang (<i>RC Wall</i>) dan dilengkapi dengan GI/FRP grating berengsel.</p>					

Bil	Perkara	Perunding	Semakan MPAG			Catatan
			Patuh	Tidak Patuh	Tidak berkaitan	
7.	<i>Invert level</i> (IL) bagi setiap parit dan <i>sump</i> (ILS) perlu ditunjukkan dengan jelas didalam pelan					
8.	<i>Gradient</i> , saiz dan jenis parit yang dicadangkan perlu dinyatakan dan ditunjukkan dengan jelas didalam pelan yang dikemukakan.					
9.	Arah aliran air bagi setiap parit yang dicadangkan perlu ditunjukkan dengan jelas sehingga ke kolam takungan/ OSD					
10.	Laluan <i>discharge</i> perlu ditunjukkan dengan jelas sehingga ke titik pembuangan terakhir (FDP). Jika laluan berkenaan melalui lot-lot tanah persendirian, maka pengambilan balik tanah perlu dibuat.  Kiraan catchment juga perlu disertakan bukan sahaja dari kawasan pembangunan namun kiraan rekabentuk perlu mengambilkira kawasan sekeliling.  Sekiranya laluan discharge melalui tali air/ parit tanah sediada, surat sokongan daripada pihak JPS perlu disertakan					
11.	Pelan ukur terkini yang menunjukkan laluan air dari kawasan pembangunan sehingga ke titik pembuangan terakhir (FDP) perlu disertakan. Pastikan pelan ukur yang disertakan disediakan dan disahkan oleh jurukur yang berdaftar.					

**D Perabut-Perabut Jalan**

1.	Rekabentuk papan tanda nama taman, papan tanda nama jalan dan lain-lain papan tanda yang berkaitan perlu ditunjukkan dengan jelas dan perinciannya perlu disertakan bersama.  Tiang yang digunakan bagi setiap papan tanda adalah dari jenis G.I bersaiz minimum 75mm.  Pelekat yang digunakan hendaklah dari jenis high intensity prismatic (seperti didalam Arahan Teknik Jalan oleh JKR)					
2.	Garisan jalan, petak tempat meletak kenderaan, garisan-garisan berhenti dan sebagainya perlu ditunjukkan didalam pelan dan pembinaan serta bahan yang digunakan adalah dari cat jenis <i>thermoplastic</i> dan mematuhi Arahan Teknik (Jalan) JKR					

Bil	Perkara	Perunding	Semakan MPAG			Catatan
			Patuh	Tidak Patuh	Tidak berkaitan	
3.	<i>Railing</i> dari jenis G.I/ komposit perlu disediakan disepanjang kawasan bercerun serta dikawasan yang mempunyai perbezaan ketinggian (melebihi 1m)					
4.	Parit yang berkedalaman atau berkelebaran melebihi 1m juga perlu disediakan railing disepanjang parit berkenaan					

E Cerun & Tembok Penahan						
--------------------------	--	--	--	--	--	--

1.	Kecerunan cerun 1:2 bagi kawasan yang terlibat dengan tambakan dan 1:1.5 bagi kawasan yang terlibat dengan pematongan  Ketinggian maksimum bagi setiap cerun adalah 4.5m dengan berm selebar 2m					
2.	Cadangan cerun atau tembok penahan perlu berada didalam kawasan pembangunan dan tidak dibenarkan memasuki lot bersebelahan atau rezab jalan					
3.	Cadangan tembok penahan perlu ditunjukkan dengan jelas dan diwarnakan di dalam pelan yang dikemukakan.					
4.	Keratan rentas cerun menunjukkan dengan jelas ukuran cerun, <i>berm drain</i> , <i>toe drain</i> dan <i>intercept drain</i> serta arah aliran air sehingga ke parit terhampir.					
5.	Detail tembok penahan di tunjukkan di dalam pelan					
6.	Tembok penahan yang dibenarkan hanyalah tembok konkrit bertetulang (RC Wall).  Tembok penahan dari jenis rubble wall/ gabion wall atau brickwall adalah tidak dibenarkan.  Sekiranya perunding mempunyai cadangan lain bagi menggantikan RC Wall, maka kiraan rekabentuk yang disediakan dan disahkan oleh jurutera perunding bertauliah perlu disertakan bersama-sama pelan yang dikemukakan					
7.	Bagi <i>normal slope</i> yang dicadangkan, tunjukkan cadangan bagi menghalang hakisan					

Bil	Perkara	Perunding	Semakan MPAG			Catatan
			Patuh	Tidak Patuh	Tidak berkaitan	
8.	Rezab penyelenggaraan selebar 2.4 meter perlu disediakan di atas dan di bawah cerun (bagi kawasan yang tidak mempunyai laluan sahaja)					
9.	Bagi pembangunan yang bercerun melebihi 25 <sup>0</sup> dan/atau berketinggian menegak melebihi 10m, laporan dan rekabentuk dari jurutera geoteknikal yang berdaftar perlu disediakan					

<b>E</b>	<b>Rekabentuk Kolam Takungan/ On Site Detension (OSD)</b>					
----------	---	--	--	--	--	--

1.	Rekabentuk kolam takungan/ OSD perlu mematuhi Urban Stormwater Management Manual For Malaysia (MSMA 2nd Edition)  Kiraan hidraulik bagi rekabentuk kolam takungan/ OSD ini perlu disertakan dan dibukukan bersekali dengan pelan yang dikemukakan.					
2.	Laluan penyelenggaraan ke kolam takungan/ OSD perlu disediakan					
3.	Jika perunding/ pemaju menyediakan kolam takungan didalam sesuatu pembangunan, maka kawasan berkenaan perlu dipagarkan dan dilengkapi papan tanda yang berkaitan					
4.	Rekabentuk kolam takungan/ OSD, <i>outlet structure, inlet dan low flow drain</i> ditunjukkan dengan jelas beserta perinciannya					
5.	Setiap outlet dilengkapi dengan perangkap sampah dan tunjukkan perinciannya					

<b>F</b>	<b>Kawasan Lapang/ Taman Permainan Kanak-Kanak</b>					
----------	--	--	--	--	--	--

1.	Kawasan lapang perlu mempunyai satu (1) aras sahaja dan aras ketinggiannya tidak melebihi atau kurang 1 meter dari aras jalan berhampiran					
2.	Pastikan laluan berkonkrit/ tangga beserta bollard disediakan di setiap hujung laluan dan pastikan laluan yang disediakan bersambung dengan jalan berdekatan					